

Arahan: Modul ini adalah untuk tempoh masa 1 jam			
Mata Pelajaran	BAHASA MELAYU KOMUNIKASI	Sasaran	3 PKKS HARAPAN
Tarikh	28 Jun 2021	Masa	10.00 - 11.00pagi
Tajuk	Tema 4 : Khidmat Masyarakat Unit 12 : Bagai Aur Dengan Tebing		
Standard Pembelajaran	1.1.1 Mendengar dan bertutur 1.1.2 Membaca dan memberikan pandangan untuk menjawab soalan dari bahan bacaan 1.1.3 Menulis ayat 1.1.4 Menyampaikan isi dan fakta tentang sesuatu perkara dengan betul dan jelas menggunakan ayat yang gramatis		
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR murid boleh: 1. Membaca petikan <i>Kehidupan Azim</i> 2. Menjawab 2 dari 3 soalan pemahaman berdasarkan petikan 3. Memahami Kata Adjektif		
Tempoh Masa	1 Jam		
Aktiviti Pembelajaran	Sila rujuk link buku teks digital untuk memudahkan pemahaman https://drive.google.com/file/d/1Y8-TqyFNIA8FBz4DCAq4XRnnJWWVuxhh/view?usp=drivesdk 1. Membaca petikan yang disediakan 2. Menulis perkataan yang terdiri daripada golongan kata 3. Mengisi tempat kosong berdasarkan petikan yang diberikan 4. Murid-murid diminta untuk menjawab soalan melalui soalan interaktif di Liveworksheet .		
Latihan	1. Sila jawab soalan interaktif yang diberikan 2. Screenshoot jawapan yang telah siap kepada guru (jika ada persoalan/pertanyaan boleh hubungi Cikgu di Whatapps)		
Pentaksiran	Anda akan dinilai berdasarkan tugas yang diberikan		

TEMA 4 : KHIDMAT MASYARAKAT

UNIT 12 : BAGAI AUR DENGAN TEBING

KHIDMAT MASYARAKAT

UNIT 12
Bagai Aur dengan Tebing

 **Mendengar dan Bertutur**


IMBAS SAYA

TEMA 4

Bantuan Kebajikan Masyarakat

Jiran Haziq orang kurang upaya (OKU). Haziq pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mendapatkan maklumat tentang bantuan yang disediakan.

Pegawai JKM: Selamat pagi. Boleh saya bantu?

Haziq: Saya ingin mendapatkan maklumat tentang jenis bantuan untuk OKU yang ditawarkan oleh JKM.

Pegawai JKM: Pihak JKM menyediakan pelbagai jenis bantuan di bawah skim bantuan kepada OKU seperti geran pelancaran (GP), elaun pekerja cacat (EPC), bantuan alat tiruan dan bantuan penjagaan OKU yang terlantar atau sakit kronik. Encik boleh rujuk risalah atau imbas *QR Code* ini.

Haziq: Baiklah. Terima kasih, encik.

Pegawai JKM: Sama-sama.

LATIHAN 1

Berdasarkan petikan di atas jawab soalan-soalan di bawah.

1. Apakah singkatan nama bagi OKU?

2. Apakah singkatan nama bagi JKM?

3. Nyatakan 3 jenis bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada Orang Kurang Upaya

4.

a)

b)

c)



Membaca

TEMA

4

Kehidupan Hazim

Hazim bekerja sebagai pembantu di kedai tukang jahit pakaian yang terkenal di bandar. Oleh sebab kesungguhan mempelajari kemahiran menjahit, dia dilantik sebagai tukang jahit di kedai jahit tersebut. Hazim lumpuh sebelah kaki akibat kemalangan.

Hazim berasa gembira kerana majikannya seorang yang bertimbang rasa, pemurah dan baik hati. Dia juga telah belajar menjahit pelbagai fesyen pakaian lelaki dan wanita. Banyak pengalaman yang ditimbanya semasa bekerja di situ.

Setelah beberapa tahun bekerja di kedai jahit tersebut, dia berhenti kerana ingin membuka perniagaan sendiri. Dengan berbekalkan wang simpanan dan bantuan geran pelancaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, dia telah membuka sebuah kedai jahit.

Hazim mendapat banyak tempahan daripada pelanggan. Jahitan yang kemas dan layanan yang mesra menambahkan lagi kejayaan perniagaannya. Kehidupan Hazim semakin senang. Namun, dia tidak lupa membantu orang yang susah. Kemewahan yang dicapainya kini adalah atas usaha yang tidak pernah mengenal erti putus asa.

LATIHAN 2

Berdasarkan petikan di atas jawab soalan-soalan pemahaman di bawah.

1. Apakah pekerjaan Hazim sebelum membuka kedainya sendiri?

2. Siapakah yang memberikan bantuan kepada Hazim untuk membuka kedai jahitnya?

3. Mengapakah kedai jahit Hazim menjadi tumpuan pelanggan?

a)

b)



Kata Adjektif

Definisi : Kata adjektif atau kata sifat ialah kata yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu benda atau kata nama

Jenis-jenis

Contoh Ayat :

1. Bangunan itu **tinggi**.
2. Gadis itu **cantik**.
3. Masakan itu **lazat**.

Kata Adjektif Sifatan : *Contoh*

baik, cerdik, jahat, lemah, berani, takut, sihat, kuat

Kata Adjektif Warna : *Contoh*

biru, putih, merah, hitam, ungu, kelabu, jingga

Kata Adjektif Ukuran : *Contoh*

panjang, pendek, besar, kecil, tinggi, rendah, nipis

Kata Adjektif Bentuk : *Contoh*

bulat, leper, bujur, lonjong, bengkok, lurus, bundar

Kata Adjektif Waktu : *Contoh*

baharu, lama, silam, lampau, awal, lambat, cepat

Kata Adjektif Jarak : *Contoh*

jauh, dekat, hampir, nyaris

Kata Adjektif Cara : *Contoh*

deras, lambat, lincah, gopoh, jelas, sering

Kata Adjektif Perasaan : *Contoh*

suka, benci, rindu, gembira, kasih, sayang, ragu

Kata Adjektif Pancaindera : *Contoh*

manis, sedap, lazat, masam, pahit, lemak, masin


LATIHAN 2

Isi tempat kosong dengan kata adjektif

**Menulis**

Bantu Ibu

Swee Lin membantu ibunya menyediakan makanan untuk diberikan kepada sebuah rumah kebajikan.



TEMA
4

1. Ah Wai mengelap meja makan sehingga _____.
2. Masakan Puan Chong sangat _____.
3. Ayah Ah Wai menolong membasuh pinggan _____ di singki.
4. Puan Chong meminta anaknya, Swee Lim mengupas bawang _____.
5. Kakak Swee Lim memotong ikan menggunakan pisau _____.

**Aktiviti**

Isi tempat kosong dengan kata adjektif.

**KAMUS MINI**

Kata adjektif	perkataan yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu kata nama atau frasa nama. Kata adjektif juga dikenali sebagai kata sifat.
---------------	--

'Wah, bagus! Cikgu sangat kagum dengan kamu semua yang kyusuk menyiapkan latihan/tugasan yang diberi.

Cikgu sangat yakin, apabila semua pelajar menumpukan perhatian menjawab soalan yang diberikan, tentu latihan/tugasan kamu akan segera siap. Terima kasih kepada semua pelajar yang telah menyiapkannya.....

TANIAH

